

30 NOV 97

PEGAWAI KANAN KEWANGAN MULA BERMESYUARAT

KUALA LUMPUR, 30 Nov (Bernama) -- Para pegawai kanan kewangan dari negara anggota Asean memulakan mesyuaratnya hari ini bagi menyiapkan agenda Mesyuarat Menteri Kewangan Asean (AFMM) yang akan bermula esok.

Pegawai-pegawai dari sembilan negara anggota Asean akan menyiapkan agenda untuk menteri masing-masing yang akan meninjau, antara lain, masalah ekonomi yang menjejaskan rantau ini akibat daripada serangan mata wang sejak Jun lalu.

Di samping itu, mesyuarat jawatankuasa terpilih bank-bank pusat Asean dan menteri-menteri kewangan turut diadakan.

AFMM khas itu akan membolehkan negara anggota Asean mengadakan mesyuarat dengan Jepun, serta bersama Australia, Korea Selatan, Amerika Syarikat dan China, ataupun dikenali sebagai mesyuarat "Asean Plus Six."

Setiausaha Agung Asean Datuk Ajit Singh turut menghadiri mesyuarat berkenaan.

Negara peserta akan meninjau tindak balas dasar untuk memulihkan kestabilan di rantau ini ekoran daripada serangan mata wang.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menggesa kawal selia dagangan mata wang diadakan sejak serangan spekulatif dan manipulatif ke atas mata wang Asean pada Jun lalu, akan merasmikan mesyuarat itu pada Isnin ini.

Lewat hari ini timbalan perdana menteri merangkap menteri kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang dijangka mempengerusikan beberapa sesi semasa mesyuarat berkenaan, akan mengadakan beberapa mesyuarat dua hala dengan menteri-menteri kewangan Indonesia, Thailand, Myanmar serta setiausaha kewangan Filipina.

Pengarah urusan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) Michel Camdessus yang akan tiba esok, dijangka menyampaikan hasil kajian awal agensi pelbagai hala itu mengenai kawalan ke atas dagangan mata wang. -- BERNAMA

TEAM MA